

Tingkatan 2 Bab 6: British Mengeksploit Ekonomi 英国利用经济

6.1 Kegiatan Pertanian Dagangan 农业贸易活动

1. Setelah menguasai negara kita, British memperkenalkan pertanian dagangan, iaitu kegiatan pertanian yang berorientasikan eksport.

英国控制我国之后，引进了贸易农业，那就是以出口为主的农业活动。

2. British hanya menggalakkan peladang Eropah dan orang asing untuk mengusahakan pertanian dagangan.

英国只和鼓励欧洲的农户和外国人从事贸易农业。

3. Pada peringkat awal, British mengusahakan tanaman tradisional seperti lada hitam, gambir, buah pala, bunga cengkih, ubi kayu, tebu dan nanas. Tanaman tersebut diusahakan kerana mendapat pasaran yang baik.

最初，英国发展传统农作物，如黑胡椒，钩藤，豆蔻，丁香，木薯，甘蔗和黄梨。这些农作物被发展因为具有很好的市场。

4. Penanaman lada hitam diusahakan di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak untuk dieksport.

胡椒在檳城，雪兰莪，森美兰州和砂劳越种植以出口。

5. Pada kurun ke-19, lada hitam dan gambir diperkenalkan oleh Temenggung Ibrahim di Johor melalui Sistem Kangcu. Gambir digunakan sebagai bahan pewarna untuk mencelup sutera.

在 19 世纪，胡椒和钩藤被 Temenggung Ibrahim 通过港主（Kangcu）制度在柔佛州推出。钩藤作为染料以浸泡丝绸。

6. Melalui Sistem Kangcu, buruh Cina dibawa masuk dari Singapura untuk mengusahakan penanaman lada hitam dan gambir di sepanjang Sungai Johor.

通过港主（Kangcu）制度，中国劳工从新加坡被带进来以沿着 Sungai Johor 种植胡椒和钩藤。

7. Sehingga awal kurun ke-20, lada hitam dan gambir menjadi hasil eksport negeri Johor yang terpenting.

直到 20 世纪初，胡椒和钩藤成为柔佛最重要的出口产品。

8. Buah pala dan cengkih yang mendapat harga yang tinggi di pasaran diusahakan di Pulau Pinang.

在市场上有很高的价格的豆蔻和丁香在檳城种植。

9. Penanaman buah pala mengalami kemerosotan, selepas tahun 1850-an kerana harganya tidak stabil.

豆蔻的种植在 1850 年代过后下降，因为它的价格不稳定。

10. Penanaman tebu diusahakan di Seberang Perai dan Perak apabila permintaan terhadap gula meningkat di pasaran dunia.

甘蔗在大山脚（Seberang Perai）和霹靂州（Perak）种植，当国际市场对糖的需求量增加时。

11. Pada tahun 1830-an, Seberang Perai merupakan pusat pengeluaran gula yang utama di Negeri-negeri Selat.

在 1830 年代，大山脚（Seberang Perai）是海峡殖民地主要的食糖生产中心。

12. Menjelang tahun 1900, Perak muncul sebagai pusat pengeluaran gula terbesar di Tanah Melayu. Gula menjadi eksport Tanah Melayu yang penting selama hampir 50 tahun.

到 1900 年，霹靂成为马来亚最大的食糖生产中心。糖成为马来亚重要的出口产品长达 50 年。

13. Ubi kayu dan nanas juga menjadi tanaman eksport yang penting untuk Tanah Melayu.

木薯和黄梨也成为马来亚重要的出口农作物。

14. Ubi kayu diusahakan di Melaka, Negeri Sembilan, dan Selangor.

木薯种植在马六甲，森美兰和雪兰莪。

15. Industri mengetin nanas diusahakan di Perak, Selangor dan Johor. Tanah Melayu muncul sebagai pengeksport nanas dalam tin yang kedua terbesar di dunia.

黄梨罐头食品业在霹雳，雪兰莪及柔佛发展。马来亚成为全世界第二大的黄梨罐头出口国。

6.2 Tanaman Baru Memantapkan Ekonomi British 新农作物稳定英国的经济

1. Menjelang kurun ke-20, beberapa jenis tanaman dagangan tradisional menjadi kurang penting kerana harganya tidak stabil di pasaran dunia.

直到 20 世纪，几种传统贸易农作物变得不那么重要，因为国际市场的价格不稳定。

2. Bagi mengukuhkan ekonomi, British memperkenalkan beberapa jenis tanaman baru seperti kopi, kelapa sawit, tembakau, dan teh.

为了巩固经济，英国引进了几种新的农作物如咖啡，油棕，烟草和茶。

3. Kopi 咖啡

(a) Berasal dari Afrika.

来自非洲。

(b) Diusahakan secara besar-besaran di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor kerana harga tinggi dan mendapat pasaran dunia.

大规模的在霹雳，雪兰莪，森美兰和柔佛培育，因为价格很高，并得到国际市场。

(c) Menjadi eksport utama Tanah Melayu hingga akhir kurun ke-19.

直到 19 世纪末，马来亚成为主要的出口产品。

4. Kelapa sawit 油棕

(a) Ditanam di Kuala Selangor, Perak, dan Johor.

在 Kuala Selangor，霹雳及柔佛种植。

(b) Minyak kelapa sawit mula dieksport menjelang tahun 1920-an.

到 1920 年，油棕油开始出口。

5. Tembakau 烟草

Ladang tembakau dibuka di Pulau Pinang dan Pahang.

在槟城和彭亨州开发烟草农场。

6. Teh 茶

(a) Teh Tanah Melayu bermutu tinggi dan dikenali sebagai 'Teh Ceylon'.

马来亚高品质的茶，被称为“锡兰茶”。

(b) Ditanam di Cameron Highlands, Pahang.

在彭亨的金马仑高原种植。

7. Perkembangan pertanian dagangan membuktikan bahawa negara kita berpotensi untuk maju dalam bidang pertanian.

贸易农业的发展证明我们国家有潜力发展农业。

8. Sungguhpun demikian, British hanya menggalakkan peladang Eropah dan orang asing untuk mengusahakan pertanian dagangan. Penduduk tempatan tidak digalakkan menceburi bidang ini.

然而，英国只有鼓励欧洲的农民和外国人从事贸易农业。当地居民不鼓励参与这个领域。

6.3 Perkembangan Perusahaan Getah 橡胶业的发展

1. Harga kopi jatuh di pasaran dunia pada kurun ke-19.

在 19 世纪，咖啡在国际市场上的价格下降。

2. Bagi memulihkan ekonomi Tanah Melayu berikutan kejatuhan harga kopi, penanaman getah telah diperkenalkan.

为了重振马来亚因为咖啡价格崩溃的经济，橡胶种植业被推介。

3. Pada kurun ke-20, getah menjadi hasil tanaman eksport yang penting di Tanah Melayu.

在 20 世纪，橡胶成为马来西亚重要的出口产品。

6.3.1 Perkembangan Awal Getah di Tanah Melayu 橡胶早期在马来亚的发展

1. Getah yang ditanam di negara kita ialah jenis *Hevea Brasiliensis* dari Brazil.

生长在中国的橡胶是来自巴西的 **Hevea Brasiliensis** 品种。

2. Pada tahun 1876, sebanyak 70 000 biji getah telah dibawa ke England oleh Henry Wickham dari Brazil. Biji-biji getah ini kemudiannya disemai di Kew Garden, England.

1876 年，共有 70000 橡胶种子从巴西被 Henry Wickham 带到英国。然后这些橡胶种子种在英国的 Kew 花园。

3. Lebih kurang 3 000 benih getah ini dihantar ke negara-negara naungan British seperti Sri Lanka.

大约 3000 橡胶种子被送往英国的附属国，比如斯里兰卡。

4. Pada tahun 1877, sebanyak 22 batang anak getah telah dibawa ke Singapura untuk ditanam di Botanical Garden.

1877 年，共有 22 橡胶树树苗被带到新加坡以种植在植物园（Botanical Garden）。

5. Dari Singapura, anak-anak pokok getah ini kemudiannya dibawa ke Kuala Kangsar untuk ditanam di kediaman Residen Perak.

来自新加坡的橡胶树树苗，然后带到 Kuala Kangsar 种在霹靂州领事的住处。

6. Pada kurun ke-20, perkembangan perusahaan membuat motokar berkembang pesat di Eropah dan Amerika Syarikat. Perkembangan industri ini meningkatkan permintaan terhadap getah dan menyebabkan harga getah di pasaran dunia melambung tinggi.

在 20 世纪，欧洲和美国的汽车制造业快速成长。这个行业的发展增加橡胶的需求量，也导致橡胶在国际市场上的价格飙升。

7. Di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor, ladang-ladang getah dibuka secara besar-besaran.

大规模在霹靂州，雪兰莪州，森美兰州和柔佛州开发橡胶园。

8. Menjelang tahun 1920-an, Tanah Melayu menghasilkan kira-kira 53% daripada pengeluaran getah dunia dan muncul sebagai pengeluar getah terbesar di dunia.

直到 1920 年代，马来亚生产橡胶产大约是全球生产量的 53%，并成为全世界最大的橡胶生产国。

9. Perusahaan getah di Tanah Melayu dikuasai oleh syarikat-syarikat Eropah seperti:

马来亚的橡胶业是被欧洲公司控制，如：

(a) Guthrie

- (b) Sime Darby
- (c) United Plantations
- (d) Harrisons & Crossfield

10. Penduduk tempatan mengusahakan tanaman getah secara kecil-kecilan sebagai pekebun kecil.
当地居民作为小农户，小规模的发展橡胶园。

6.3.2 Faktor-faktor Perkembangan Perusahaan Getah 橡胶业成长的因素

1. Kejatuhan harga kopi 咖啡的价格下跌

(a) Harga kopi merosot kerana pengeluaran berlebihan di Brazil.

咖啡的价格暴跌，因为巴西生产过量的咖啡。

(b) Penanam kopi mengalami kerugian kerana serangan serangga perosak ke atas tanaman kopi.

咖啡种植业者遭受损失，因为害虫侵袭咖啡农作物。

(c) Peladang beralih tumpuan kepada penanaman getah yang lebih stabil.

农民的焦点转移到更稳定的橡胶种植业。

2. Permintaan terhadap getah meningkat 橡胶的需求量增加

(a) Negara Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat mengalami perkembangan industri pada kurun ke-20.
西方国家比如英国和美国于 20 世纪面临工业的发展。

(b) Kepadatan industri membuat motokar menyebabkan permintaan terhadap getah asli meningkat secara mendadak kerana getah diperlukan untuk membuat tayar.

汽车制造业的崛起导致天然橡胶的需求量急剧增加，因为需要橡胶来做轮胎。

(c) Selain itu, getah juga diperlukan untuk membuat kasut, pakaian, alat perubatan dan penambat elektrik.

此外，橡胶也用来制造鞋，服装，医疗用具和电绝缘体。

(d) Harga getah di pasaran dunia turut meningkat.

橡胶在国际市场上的价格上涨。

3. Tenaga buruh mencukupi 充足的劳工

(a) Pengusaha tidak menghadapi sebarang masalah kekurangan tenaga buruh kerana kerajaan British membawa masuk buruh dari India untuk mengusahakan ladang getah.

雇主不会面对任何劳工短缺的问题，因为英国政府从印度带进劳工，以从事橡胶种植业。

(b) Tenaga buruh India menguntungkan peladang kerana upah mereka amat rendah.

印度劳工让橡胶园园主受益，因为他们的工资非常低。

4. Cukai yang rendah 低税制

(a) Bagi menggalakkan penanaman getah, kerajaan British telah mengenakan cukai tanah dan cukai eksport yang rendah.

为了促进橡胶种植业，英国政府征收较低的土地税和出口税。

(b) Langkah ini menggalakkan lagi peladang mengusahakan penanaman getah.

这步鼓励农民种植橡胶。

5. Pelaburan modal 资金投资

(a) Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan British untuk menggalakkan penanaman getah di Tanah Melayu.

英国政府提供各种设施，以鼓励马来亚的橡胶种植业。

(b) Syarikat-syarikat besar di Eropah seperti Sime Darby dan Guthrie telah melaburkan modal secara besar-besaran dalam perusahaan getah di Tanah Melayu.

大型的欧洲公司，比如 **Sime Darby** 和 **Guthrie** 投入大量的资金到马来亚的橡胶业。

6. Peranan Henry N. Ridley

Henry N. Ridley 的作用

(a) Henry Ridley ialah Pengarah Botanical Garden di Singapura.

Henry Ridley 是新加坡植物园的董事。

(b) Menyedari tanaman getah mempunyai potensi yang baik di Tanah Melayu, Ridley menggalakkan orang ramai menanam getah.

意识到橡胶在马来亚有很好的潜力，**Ridley** 鼓励人们种植橡胶。

(c) Ridley memperkenalkan kaedah menoreh yang dikenali sebagai sistem ibidem atau sistem tulang ikan herring.

Ridley 推介一种名为 **Ibidem** 系统或鲑鱼骨系统的切割方法。

(d) Sistem torehan yang diperkenalkan oleh Ridley berjaya menambahkan pengeluaran susu getah dan tidak merosakkan pokok getah.

通过 **Ridley** 推介的切割方法成功增加乳胶的生产量和不会损坏橡胶树。

Mesej Focus 资讯焦点

Ridley yakin bahawa masa depan ekonomi Tanah Melayu terletak pada perusahaan getah. Atas alasan tersebut, Ridley menggalakkan penduduk tempatan menanam pokok getah. Beliau mengedarkan bijih getah secara percuma kepada petani dan tanpa jemu, beliau memujuk petani supaya menanam pokok getah. Ridley juga memperkenalkan cara menoreh pokok getah yang dapat melanjutkan hayat pokok getah. Sistem torehan yang dikenali sebagai sistem ibidem itu berbentuk tulang ikan herring. Sistem torehan ini tidak merosakkan pokok getah. Selain itu lebih banyak susu getah dapat dihasilkan.

Ridley 认为，马来亚未来经济的所在是橡胶业。出于这个原因，**Ridley** 鼓励当地居民种植橡胶树。他免费和孜孜不倦地分发橡胶的种子给农民，他说服农民以便种植橡胶树。**Ridley** 还推介可以延长橡胶树寿命的切割方法。被称为 **Ibidem** 系统的切割方法是鲑鱼骨形。切割方法不会损坏橡胶树。此外，还可以生产更多的胶乳。

6.3.3 Kemelesetan Ekonomi Dunia Menjejaskan Perusahaan Getah 世界经济不景气影响橡胶业

1. Perusahaan getah di Tanah Melayu bergantung sepenuhnya kepada harga dan permintaan di pasaran dunia.

马来亚的橡胶业完全依赖国际市场的价格和需求。

2. Pada tahun 1920-an dan 1930-an, kemelesetan ekonomi dunia telah berlaku menyebabkan kilang-kilang di negara Barat terpaksa ditutup.

在 1920 年代和 1930 年代，全球经济衰退导致西方国家的工厂不得不关闭。

3. Keadaan ini membawa kesan kepada perusahaan getah di Tanah Melayu kerana tiada permintaan terhadap getah Tanah Melayu.

这种情况影响马来亚的橡胶业，因为马来亚橡胶没有需求量。

4. Kesannya, harga getah di pasaran dunia jatuh secara mendadak dan banyak pengusaha ladang getah mengalami kerugian.

因此，橡胶在国际市场上的价格大幅度下跌，许多橡胶园损失惨重。

5. Bagi menyelamatkan perusahaan getah, kerajaan British telah memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson dan Perjanjian Getah Antarabangsa.

为了挽救橡胶业，英国政府推出史蒂文森的限制计划和国际橡胶管制协议。

6. Rancangan Sekatan Stevenson (1922)

史蒂文森的限制计划（1922年）

(a) Bertujuan mengurangkan pengeluaran getah dan meningkatkan harga getah di pasaran dunia.

目的是减少橡胶的生产量和提高橡胶在国际市场上的价格。

(b) Rancangan ini cuba menyekat pengeluaran supaya permintaan terhadap getah di pasaran melebihi pengeluaran. Dengan ini, diharapkan harga getah dapat dinaikkan.

这个计划尝试限制生产量以便橡胶的市场需求量超过生产量。与此，希望橡胶的价格可以提升。

(c) Rancangan ini gagal mencapai matlamatnya kerana hanya disertai oleh negara naungan British, iaitu Tanah Melayu dan Sri Lanka.

这个计划未能实现它的目标，因为只有英国的附属国参与，那就是马来亚和斯里兰卡。

(d) Belanda di Indonesia enggan menyertainya malah menambahkan lagi pengeluaran getah Indonesia. 印尼的荷兰人拒绝参加这个计划，甚至提高印尼的橡胶产量。

(e) Kerajaan British menamatkan Rancangan Sekatan Stevenson pada tahun 1928 kerana gagal mencapai matlamat menaikkan harga getah di pasaran dunia.

英国政府于 1928 年结束史蒂文森的限制计划因为未能实现提高橡胶在国际市场价格的目标。

7. Pada tahun 1934, usaha menstabilkan harga getah di pasaran dunia diteruskan dengan Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa.

1934 年，继续努力，通过国际橡胶管制协议以稳定橡胶在国际市场价格。

8. Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa (1934)

国际橡胶管制协议（1934年）

(a) Perjanjian ini bertujuan mengurangkan pengeluaran getah dan menstabilkan harganya di pasaran dunia. 这项协议的目的是减少橡胶的生产量和稳定橡胶在国际市场上的价格。

(b) Negara-negara yang menyertai perjanjian ini ialah Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Sri Lanka, India, Myanmar, Indonesia, Indochina, dan Thailand.

参与这项协议的国家是马来亚，沙巴，沙撈越，斯里兰卡，印度，缅甸，印度尼西亚，中南半岛和泰国。

(c) Melalui perjanjian ini, setiap negara dikehendaki mengurangkan pengeluaran getah mengikut kuota yang ditetapkan.

通过这项协议，每个国家必须根据规定的配额减少橡胶的生产量。

(d) Perjanjian ini telah berjaya menaikkan harga getah di pasaran dunia sebelum Perang Dunia Kedua.

这协议成功在第二次世界大战之前提高橡胶在国际市场上的价格。

9. Semasa Perang Dunia Kedua, bekalan getah asli terputus dan keadaan ini menyebabkan Amerika Syarikat mencipta getah tiruan.

二战期间，天然橡胶供应被切断，这促使美国发明合成橡胶。

10. Selepas Perang Dunia Kedua, pengeluaran getah asli negara kita mula menghadapi ancaman getah tiruan yang diperkenalkan oleh Amerika Syarikat.

二战结束后，我国生产的天然橡胶开始面临由美国引进的合成橡胶的威胁。

11. Sungguhpun demikian, masih terdapat permintaan terhadap getah asli kerana mutu getah asli negara dapat menandingi mutu getah tiruan.

尽管如此，天然橡胶仍然有需求量因为天然橡胶的质量可以匹配合成橡胶的品质。

12. Kesan perkembangan perusahaan getah

橡胶业发展的影响

(a) Mewujudkan sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik.

打造良好的交通和通讯系统。

(b) Pelabuhan berkembang pesat.

港口迅速发展。

(c) Wujud bandar-bandar utama di kawasan pengeluaran getah dan pelabuhan.

在橡胶出产地和港口出现的主要的城市。

(d) Kemasukan buruh India mewujudkan masyarakat majmuk.

印度劳工进入打造多元化的社会。

(e) Peluang pekerjaan meningkat.

增加就业机会。

6.4 Perkembangan Perusahaan Perlombongan 矿业的发展

1. Selain pertanian, British turut memajukan kegiatan perlombongan seperti bijih timah, emas, arang batu, bauksit, besi, dan ilmanit.

除了农业，英国也发展采矿活动，如锡，金，煤，铝土矿，铁和 ilmanit。

Hasil galian 矿产资源	Keterangan 说明
Emas 金	a) Dilombong secara komersial di Raub, Pahang. 在彭亨的 Raub ，以商用模式开采。 b) Raub merupakan kawasan perlombongan emas yang terbesar di Tanah Melayu. Raub 是马来亚最大的金矿矿场。
Arang batu 煤石	a) Dilombong di Batu Arang, Selangor. 在雪兰莪的 Batu Arang 开采。
Bauksit 矾土/铝土	a) Sejenis logam yang digunakan untuk membuat aluminium. 一种用于制造铝的金属。 b) Galian ini dilombong di Bukit Pasir dan Teluk Ramunia di Johor serta Teluk Mas, Melaka. 这矿物在柔佛州的 Bukit Pasir 和 Teluk Ramunia 以及马六甲的 Teluk Mas 开采。

Bijih besi 铁矿	<p>a) Dilombong di Bukit Besi, Terengganu dan Rompin, Pahang 在登嘉楼的 Bukit Besi 和彭亨的 Rompin 开采。</p> <p>b) Lombong bijih besi juga dibuka di Kedah, Perak, dan Johor. 也在吉打州，霹靂州和柔佛州开发铁矿矿场。</p>
Ilmanit	<p>a) Galian yang dikeluarkan sebagai hasil sampingan perlombongan bijih timah. 开采锡时产生的副产品矿物。</p> <p>b) Sebahagian besar ilmanit dihasilkan di Batang Padang, Perak. 大部分的 ilmanit 在霹靂州的 Batang Padang 生产。</p>

6.4.1 Perlombongan Bijih Timah 锡矿

1. Kekayaan bijih timah di Tanah Melayu telah menjadi faktor pendorong British berusaha menguasai Tanah Melayu.

马来亚丰富的锡矿一直是促使英国努力掌控马来亚的因素。

2. Bijih timah banyak terdapat di Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan.

霹靂，雪兰莪和森美兰州有大量的锡。

3. Sebelum campur tangan British, kegiatan melombong bijih timah diusahakan oleh orang Melayu secara tradisional, iaitu menggunakan:

英国干预之前，采锡矿活动是由马来人以传统的方法进行，那就是使用：

(a) Kaedah mendulang 冲洗方法

(i) Lazimnya dilakukan oleh kaum wanita.

通常由妇女进行。

(ii) Mereka berdiri di dalam anak sungai dengan memegang sejenis dulang khas yang diperbuat daripada kayu jelutung.

他们站在小溪拿着一种用 **jelutung** 木做成的特殊托盘。

(iii) Mereka mencedok pasir yang mengandungi bijih timah dan membasuhnya dengan air yang mengalir sehingga bijih timah sahaja yang tertinggal dalam dulang.

他们舀取含锡的沙，并用流动的水一直洗，直到只有锡留在托盘中。

(iv) Proses ini dapat dilaksanakan kerana bijih timah lebih berat daripada pasir halus.

这个过程可以被实现是因为锡比细砂重。

(b) Kaedah melampan

melampan 的方法

(i) Pekerja memasukkan longgokan tanah yang mengandungi bijih timah ke dalam palung yang dibuat daripada kayu.

工人把含锡的泥土堆放进入用木做成的槽。

(ii) Penyodok kayu digunakan untuk menolak dan mengacau longgokan tanah mengikut aliran air.

用木勺以便推动和搅拌泥土堆跟随水流。

(iii) Tanah yang lebih ringan daripada bijih timah akan hanyut dan meninggalkan bijih timah yang lebih berat.

比锡轻的泥土将漂浮，并留下了较重的锡。

4. Pada awal tahun 1820-an, buruh dari China telah dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah yang dimiliki oleh pembesar Melayu di daerah Lukut, Sungai Ujong, Larut, dan Klang.

在 1820 年代初，中国劳工被带到 **daerah Lukut, Sungai Ujong, Larut** 和巴生，属于马来大臣的锡矿场工作。

5. Pelombong Cina dan Eropah kemudiannya dibenarkan memajak lombong daripada pembesar-pembesar Melayu untuk diusahakan.

华人和欧洲的矿工，然后允许从马来大臣租赁矿山以开发。

6. Pelombong Cina membuka lombong di kawasan Ampang, Kuala Lumpur, dan Lembah Kinta, Perak.

华人矿工在吉隆坡的安邦以及霹雳州的 **Lembah Kinta** 开矿场。

7. Pelombong Cina memperkenalkan kaedah melombong yang lebih baik, iaitu sistem lombong dedah dan penggunaan pam kelikir dan palung.

华人矿工推荐一个更好的方法采矿，那就是露天采矿技术和使用砂石泵和槽。

(a) Pam kelikir 砂石泵

(i) Pam digunakan untuk memancarkan air yang kuat bagi memecahkan tanah yang mengandungi bijih timah.

泵被用于喷射强劲的水，以解开含有锡的泥土。

(ii) Lumpur itu kemudian dipamkan naik ke palung.

然后这些污泥被泵到槽。

(iii) Palung dibina dengan sekatan-sekatan kayu.

槽用建有木制的防堵。

(iv) Apabila lumpur dialirkan, bijih timah yang berat akan tersangkut pada sekatan-sekatan tersebut.

当泥流过，较重的锡将陷入防堵之中。

8. Pelombong Cina berjaya menguasai perusahaan lombong bijih timah sehingga akhir kurun ke-19.

华人矿工成功掌控锡矿，直到 19 世纪末。

9. Pada awal kurun ke-20, penguasaan pelombong Cina terhadap perusahaan bijih timah di Tanah Melayu merosot berikutan pengenalan kapal korek oleh pelombong Eropah.

在 20 世纪初，华人矿工在马来亚的锡矿业衰退，因为欧洲的矿工引进挖泥船。

10. Kapal korek mula digunakan oleh Syarikat Malayan Tin Dredging di Batu Gajah, Perak pada tahun 1921. 挖泥船最早是霹雳州 **Batu Gajah** 的 **Malayan Tin Dredging** 公司于 1921 年开始使用。

11. Menjelang tahun 1930-an, perusahaan bijih timah di Tanah Melayu mula dikuasai oleh orang Eropah berikutan penggunaan teknologi kapal korek.

到了 1930 年代，马来亚的锡矿业开始被使用挖泥船技术的欧洲人掌控。

12. Pada akhir kurun ke-19, Tanah Melayu muncul sebagai pengeluar bijih timah terbesar di dunia.

在 19 世纪末，马来亚跃升为全世界最大的生产锡的国家。

13. Faktor perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu

马来亚的锡矿业增长的因素

(a) Permintaan terhadap bijih timah bertambah berikutan Revolusi Perindustrian di Eropah.

因为欧洲的工业革命，导致锡需求量增加。

(b) Kerajaan British menggalakkan pelaburan secara besar-besaran daripada pelabur British.

英国政府鼓励英国投资者大规模的投资。

(c) Buruh dibawa dari China untuk bekerja di lombong.

从中国带进工人以在矿场工作。

(d) Syarikat Eropah memperkenalkan kaedah kapal korek yang dapat menghasilkan bijih timah dengan banyaknya

欧洲公司引进挖泥船，可以生产许多的锡。

(e) Kerajaan British menyediakan sistem pengangkutan yang berkesan untuk menghubungkan kawasan lombong dengan pelabuhan.

英国政府提供有效的运输系统，以连接矿场与港口。

14. Pada tahun 1930-an, kemelesetan ekonomi dunia telah menyebabkan harga bijih timah di pasaran dunia merosot.

1930 年，全球经济衰退造成锡在国际市场上的价格暴跌。

15. Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa ditandatangani pada tahun 1931 untuk memulihkan semula harga bijih timah.

国际锡协议于 **1931 年** 签署以恢复锡的价格。

16. Perjanjian ini melibatkan negara-negara pengeluar bijih timah seperti Tanah Melayu, Bolivia, Nigeria, dan Indonesia.

这个协议涉及生产锡的国家，比如马来亚，玻利维亚（**Bolivia**），尼日利亚（**Nigeria**）和印度尼西亚（**Indonesia**）。

17. Negara-negara yang menandatangani perjanjian tersebut bersetuju mengurangkan pengeluaran bijih timah masing-masing.

签署这个协议的国家同意分别降低锡的生产量。

18. Hasil daripada perjanjian tersebut, Majlis Bijih Timah Antarabangsa ditubuhkan pada tahun 1934 untuk menyelaraskan pengeluaran bijih timah.

这协议的延续，国际锡理事会（**Majlis Bijih Timah Antarabangsa**）成立于 **1934 年**，以协调锡的生产量。

19. Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa 1931 telah berjaya menstabilkan semula harga bijih timah di pasaran dunia.

1931 年 国际锡协议成功地稳定了锡在国际市场上的价格。

6.5 Pengeluaran Hasil Hutan 林业生产

1. Negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu kaya dengan hasil hutan seperti kayu-kayan, rotan, damar, madu lebah, kapur barus, getah perca, dan getah jelutung.

马来半岛有丰富的森林产品，如木材，藤，树脂，蜂蜜，樟脑，牙胶，和 **jelutung 橡胶**。

2. Hasil hutan ini diusahakan secara tradisional melalui kegiatan meramu, iaitu amalan mencari hasil hutan untuk kegunaan sendiri.

森林产品通过采集活动的方式传统地发展，那就是寻找林产以为自己所用。

3. Kerajaan British telah menjadikan hasil hutan sebagai barang dagangan komersial.

英国政府把森林产品作为商业化的贸易产品。

4. British menggalakkan pengeluaran hasil hutan untuk dieksport ke China, Amerika Syarikat dan Eropah.

英国鼓励生产森林产品以出口到中国，美国和欧洲。

5. Pada tahun 1901, British telah menubuhkan Jabatan Perhutanan untuk menguruskan pengeluaran hasil hutan dengan lebih sistematik.

1901 年，英国成立林业部门以便更加系统化地管理森林产品的生产。

6.5.1 Jenis-jenis Hasil Hutan 森林的种类

1. Damar 树脂

(a) Hasil hutan ini diperoleh daripada getah pelbagai jenis pokok.

这森林产品来由不同种类的树木的汁液获得的。

(b) Digunakan untuk menutup renggangan pada papan perahu.

用于封住船上的缝隙了。

(c) Dieksport untuk dijadikan varnis, iaitu bahan pengkilap permukaan papan atau rotan.

出口以做成光油，那就是木材或藤表面上的光泽材料。

2. Getah perca 杜仲胶/牙胶

(a) Diperoleh daripada pokok getah perca yang banyak terdapat dalam hutan.

是从森林里丰富的杜仲树/牙胶树 (**pokok getah perca**) 获得的。

(b) Batang pokok getah perca ditetak untuk mengeluarkan susunya. Susunya dikumpul di dalam bekas dan dibentuk menjadi bebola atau jongsong.

杜仲树的树干被砍削以生产胶乳。胶乳被收集在容器中，并形成球或元宝的形状。

(c) Digunakan untuk membuat alatan bedah, bola golf, dan bahan penebat kabel telegraf dasar laut.

用于制造手术工具，高尔夫球，海底电报电缆的隔热材料。

3. Getah jelutung

jelutung 橡胶

(a) Diperoleh daripada pokok getah jelutung dengan mengumpulkannya menggunakan tabung buluh.

使用竹筒从 **Jelutung** 橡胶树上收集他们的橡胶汁。

(b) Getahnya dibungkus dan dieksport.

它的橡胶被包装和出口

(c) Digunakan untuk dijadikan ramuan getah pengunyah dan pelekat dalam industri gigi palsu.

用于制造口香糖的成分和假牙工业的粘合剂。

4. Rotan 藤

(a) Dikeluarkan untuk kegunaan dalam negeri dan dieksport ke China.

为了国内消费和出口到中国。

(b) Dijadikan bakul, tikar, tongkat, tangkai payung, dan perabot.

做成篮子，席子，拐杖，雨伞柄，和家具。

5. Kayu balak 木材

(a) Hutan di Tanah Melayu kaya dengan pelbagai jenis kayu balak yang bermutu tinggi seperti cengal, meranti, dan keruing.

马来亚的森林有各种高品质的木的材，比如 **cengal**，莫兰蒂和 **keruing**。

(b) Digunakan dalam industri pembinaan, membuat perabot, perahu, dan sebagainya.

用于建筑行业，制造家具，船等等。

(c) Hasil kayu balak banyak dieksport ke China dan Britain.

很多木材被出口到中国和英国。

(d) Pada tahun 1928, kerajaan British memperkenalkan pelesenan kilang papan untuk mengawal kegiatan pembalakan dan industri berasaskan kayu.

1928 年，英国政府推出板厂执照以便控制木伐业和以木材为基础的产业。

6.5.2 Dwiekonomi 两种经济

1. Sebelum kedatangan British, masyarakat Tanah Melayu mengusahakan ekonomi tradisional yang bercorak sara diri.

英国到来之前，马来亚人以自给自足的模式从事传统经济。

2. Kedatangan British menunjukkan tumpuan kepada ekonomi dagangan.

英国到来之后，专注于贸易经济。

3. Kegiatan perlombongan, perladangan, dan perdagangan dimajukan khususnya di kawasan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu.

发展矿业，农业，和贸易，尤其在马来半岛西海岸的地区。

4. Kegiatan ekonomi ini dijalankan secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi moden dan disokong oleh kemudahan asas yang baik.

大规模地利用现代技术进行经济活动，并通过良好的基础设施支持。

5. Sistem pengangkutan dan perhubungan seperti landasan kereta api dan jalan raya telah dimajukan untuk menghubungkan kawasan pengeluaran dengan pelabuhan.

发展交通和通讯系统，比如铁路和公路以连接生产区与港口。

6. Pada masa yang sama, kerajaan British tidak menghapuskan ekonomi tradisional seperti menanam padi dan menangkap ikan yang diusahakan oleh orang Melayu di kawasan luar bandar.

与此同时，英国政府并没有取消传统经济，比如在农村地区的马来人种植稻米和捕鱼。

7. Malah, kerajaan British menggalakkan orang Melayu kekal sebagai penanam padi dan nelayan.事实上，英国政府鼓励马来人依然成为农民和渔民。

8. Dasar British ini menyebabkan wujudnya dua bentuk ekonomi di Tanah Melayu, iaitu ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan.

英国的政策导致马来亚出现两种形式的经济，那就是传统经济和贸易经济。

9. Kewujudan dua bentuk ekonomi ini dikenali sebagai dwiekonomi.

出现两种称为 **dwiekonomi** 的经济形式。

10. Tumpuan, galakan dan dasar British telah menyebabkan ekonomi dagangan jauh lebih maju berbanding dengan ekonomi tradisional.

注重，鼓励和英国的政策导致了贸易经济比传统经济的更加繁荣。

11. Keadaan ini menyebabkan ketidakseimbangan dan wujudnya jurang ekonomi yang ketara antara penduduk bandar dengan penduduk luar bandar.

这种情况会导致城市居民与乡村居民之间出现不平衡和显著的经济差距。

Dwiekonomi 两种经济

Ekonomi tradisional 传统经济	Ekonomi dagangan 贸易经济
<p>(a) Bersifat sara diri. 自给自足的性质。</p> <p>(b) Diusahakan oleh penduduk tempatan di kawasan luar bandar. 由农村的当地人经营。</p> <p>(c) Tertumpu kepada kegiatan penanaman padi dan menangkap ikan. 注重在稻米种植和捕鱼。</p> <p>(d) Menggunakan alat dan kaedah tradisional. 使用传统工具和方法。</p> <p>(e) Tidak menggunakan buruh yang ramai. 不用大量的劳工。</p> <p>(f) Melibatkan modal yang kecil. 涉及很少的资金。</p> <p>(g) Pulangan aktiviti amat sedikit. 很少的回酬率。</p> <p>(h) Contohnya menanam padi, ubi, sayur-sayuran, dan menangkap ikan. 例如种植稻米, 马铃薯, 蔬菜和捕鱼。</p>	<p>(a) Bersifat komersil. 商业性质。</p> <p>(b) Diusahakan oleh syarikat asing, khususnya syarikat Eropah. 由外国公司经营, 尤其是欧洲的公司。</p> <p>(c) Tertumpu kepada kegiatan perlombongan bijih timah dan getah. 注重在锡矿业和橡胶业。</p> <p>(d) Menggunakan teknologi dan kaedah moden. 使用现代化技术和方法。</p> <p>(e) Melibatkan tenaga buruh yang ramai. 涉及大量的劳工。</p> <p>(f) Melibatkan modal yang besar. 涉及大量的资金。</p> <p>(g) Pulangan aktiviti sangat besar. 巨大的回酬率。</p> <p>(h) Contohnya, perusahaan getah dan perlombongan bijih timah. 例如, 橡胶业和锡矿业。</p>

6.6 Perkembangan Ekonomi Membawa Perubahan 经济发展带来的变化

1. Kemajuan ekonomi di Tanah Melayu membawa beberapa perubahan.

马来亚的经济发展带来一些变化。

2. British menyediakan kemudahan asas seperti sistem perhubungan dan pengangkutan untuk memudahkan mereka menguasai hasil bumi Tanah Melayu.

英国提供基本设施, 比如运输和通讯系统, 以利于他们控制马来亚的天然资源。

3. Kesan pertambahan penduduk terutamanya di kawasan bandar menyebabkan kerajaan British menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih sempurna.

人口的增加, 尤其是在城市地区导致英国政府提供更完善的卫生设施。

4. Kemasukan buruh-buruh dari negara luar untuk bekerja di lombong bijih timah dan ladang getah menyebabkan wujudnya masyarakat majmuk dan membawa perubahan kepada sosioekonomi dan budaya di negara kita.

从国外来的劳工以在锡矿矿场和橡胶园工作导致我国出现多元化的社会, 以及给社会经济和文化带来变化。

6.6.1 Penggunaan Buruh Luar 使用外籍劳工

1. Kesan perkembangan pesat dalam perusahaan bijih timah dan getah, British telah menggalakkan kemasukan imigran Cina dan India.

锡矿业和橡胶业快速增长的后果, 英国鼓励华人和印度人移民者进入。

2. British cuba memastikan bekalan tenaga buruh mencukupi untuk membolot kekayaan negara kita.

英国尝试确保劳动力充足以夺得我国的财富。

3. Ramai orang Cina yang berasal dari selatan China dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah terutamanya di Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan.

许多来自中国南部的华人被带进以在锡矿矿场工作，尤其是在霹雳州，雪兰莪州和森美兰州。

4. Buruh Cina dibawa masuk ke Tanah Melayu melalui Sistem Kontrak.

华人劳工通过合约制度被带进马来亚。

5. Ciri-ciri Sistem Kontrak 合约制度的特点

(a) Buruh Cina dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh majikannya.

华人劳工由雇主带进马来亚。

(b) Segala tambang perjalanan dan perbelanjaan ditanggung oleh majikan.

所有的路费和费用由雇主承担。

(c) Makanan, pakaian dan tempat tinggal disediakan oleh majikan.

由雇主提供食物，衣服和居住的地方。

(d) Mereka terikat dengan majikan kerana berhutang dengan majikan.

他们被雇主绑定，因为欠雇主钱。

(e) Mereka dikehendaki bekerja dengan majikan sehingga hutang mereka selesai dibayar.

工人必须跟雇主工作，直到解决他们的债务。

(f) Setelah hutang selesai dibayar, kontrak mereka dianggap tamat dan mereka bebas untuk bekerja dengan majikan lain.

一旦解决债务，他们的合同被认为是完成的，他们可以自由跟随其他雇主工作。

6. Terdapat juga buruh Cina yang datang ke Tanah Melayu secara persendirian untuk bekerja dalam sektor pertanian atau menjadi pekerja mahir di kawasan bandar.

也有华人劳工自己来到马来亚以在农业打工，或成为城市地区的技术工人。

7. British juga membawa masuk buruh dari selatan India untuk bekerja di ladang-ladang getah. Buruh India dibawa ke Tanah Melayu melalui Sistem Kangani.

英国也从印度南部带进劳工以在橡胶园工作。印度劳工通过 **Kangani** 制度的被带到马来亚。

8. Ciri-ciri Sistem Kangani

Kangani 制度的特点

(a) Kangani ialah penyelia atau ketua pekerja di ladang getah.

Kangani 是橡胶园的主管或工头。

(b) Beliau akan dihantar oleh majikannya ke India untuk mencari tenaga buruh.

雇主派他到印度寻找劳工。

(c) Kangani akan menguruskan tambang perjalanan buruh yang berminat sehingga mereka tiba di ladang majikan di Tanah Melayu.

Kangani 将处理有兴趣的劳工的路费到，直到他们到达雇主在马来亚的农场。

(d) Kangani akan dibayar komisen berdasarkan bilangan buruh yang berjaya dibawa masuk ke Tanah Melayu.

根据成功带进马来亚的劳工人数支付佣金给 **Kangani**。

(e) Buruh-buruh ini diletakkan di bawah jagaan Kangani yang membawa mereka masuk ke Tanah Melayu.

这些劳工被由带他们进马来亚的 **Kangani** 看顾。

(f) Kangani akan membayar gaji kepada buruh-buruh ini.

Kangani 将支付工钱给这些工人。

(g) Buruh-buruh dikehendaki bekerja dengan majikan sehingga hutang mereka selesai dibayar.

工人必须跟雇主工作，直到解决他们的债务。

9. Terdapat juga buruh India yang diambil bekerja dalam sektor pembinaan jalan raya, landasan kereta api, serta menjadi buruh di kawasan bandar dan pelabuhan.

也有印度劳工在公路建造，铁路建造以及市区和港口工作。

10. Persamaan Sistem Kontrak dengan Sistem Kangani

合约制度和 **Kangani** 制度的共同点

(a) Majikan ditetapkan.

固定的雇主/老板。

(b) Tambang buruh dibayar oleh majikan.

工人的路费由雇主支付。

(c) Dikehendaki bekerja dengan majikan tersebut sehingga hutang tambang membawa mereka masuk ke Tanah Melayu selesai.

必须跟雇主工作，直到把他们带到马来亚的路费债务还完。

11. British membiarkan setiap kaum tinggal di kawasan yang berasingan dan mengusahakan kegiatan ekonomi yang berlainan. Keadaan ini menyebabkan wujudnya pengenalan kaum berdasarkan pekerjaan dan kegiatan ekonomi.

英国让人民生活在不同的地区和开展不同的经济活动。这导致出现根据职业和经济活动区分种族的情况。

12. Pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi

以经济活动区分种族

Kaum 种族	Kawasan 地区	Kegiatan ekonomi 经济活动
Melayu 马来人	Kampung 乡村	Petani dan nelayan 农民和渔夫
Cina 华人	Lombong dan bandar 矿场和市镇	Pelombong bijih timah dan peniaga 锡矿矿工和商人
India 印度人	Ladang getah 橡胶园	Pekerja ladang 橡胶园工人

13. Kesan dasar British 英国政策的后果

(a) Kebanyakan orang Cina menetap di kawasan lombong dan bandar serta terlibat dalam kegiatan perniagaan.

大多数华人生活在矿区和城市，以及从事商业买卖。

(b) Orang India pula menetap dan bekerja di kawasan ladang getah.

印度人在橡胶园生活和工作。

(c) Penduduk tempatan kekal menjalankan kegiatan ekonomi sara diri seperti pertanian tradisional di kawasan kampung dan pedalaman.

当地居民仍然进行自给式的经济活动，比如在乡村和边远地区的传统农业。

(d) Penduduk peribumi terpisah daripada arus perkembangan ekonomi dagangan.

原住民被贸易经济发展流向隔开。

(e) Mewujudkan jurang ekonomi antara penduduk peribumi dengan kaum lain.

原住民于其他种族之间形成经济的差距。

14. Kemasukan buruh-buruh asing telah membentuk masyarakat majmuk di negara kita.

外国劳工的入境形成我国多元化的社会。

15. Ciri-ciri masyarakat majmuk

多元化的社会的特点

(a) Masyarakat berasal dari pelbagai latar belakang dan keturunan.

人们来自不同的背景和血统。

(b) Mengamalkan cara hidup, bahasa, agama, dan budaya yang berbeza-beza.

进行不同的生活方式，语言，宗教和文化。

6.6.2 Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan 开发交通运输和通讯系统

1. Bagi tujuan membawa hasil hutan dan hasil lombong ke pelabuhan dengan pantas, kerajaan British telah membina sistem pengangkutan dan perhubungan yang berkesan.

为了可以更快地运送森林产品和矿产到港口，英国政府经建立有效的运输和通讯系统。

2. Landasan kereta api dan sistem jalan raya yang sempurna telah dibina untuk menghubungkan kawasan pengeluaran dengan pelabuhan.

建立完善的铁路和道路系统是为了连接生产区域与港口。

3. Sistem perhubungan seperti perkhidmatan pos, telegraf, dan telefon juga diperkenalkan.

通讯系统，比如邮政，电报，和电话也被引入。

4. Oleh kerana pelabuhan terletak di kawasan bandar, sistem pengangkutan dan perhubungan hanya terdapat di kawasan bandar sahaja.

由于港口位于市区，只有城市地区可以得到交通和通讯系统。

6.6.3 Perkembangan Landasan Kereta Api 铁路的发展

1. British memodenkan sistem pengangkutan di Tanah Melayu untuk membolehkan mereka mengeksploitasi kekayaan ekonomi dengan lebih mudah.

英国发展马来亚的交通系统，使他们能够更容易地利用经济财富。

2. Pada akhir kurun ke-19, kerajaan British memperkenalkan perkhidmatan kereta api di Tanah Melayu.

在 19 世纪末，英国政府在马来亚推出火车服务。

A Fasa pertama (1885 - 1896) 第一阶段 (1885 - 1896)

1. Dibina untuk memenuhi keperluan perlombongan bijih timah.

建立以满足锡矿的需求。

2. Beberapa landasan kereta api yang pendek dibina menghubungkan kawasan lombong dengan pelabuhan untuk memudahkan bijih timah dieksport.

建造几条短路线的铁路连接矿山与港口，以方便锡的出口。

3. Landasan kereta api fasa pertama:

第一阶段的铁路:

(a) Taiping ke Port Weld (Kuala Sepetang)

太平到 **Port Weld** (**Kuala Sepetang**)

(b) Kuala Lumpur ke Port Swettenham (Pelabuhan Klang)

吉隆坡到 **Swettenham** 港口 (巴生港)

(c) Seremban ke Port Dickson

芙蓉和波德申

(d) Ipoh dan Batu Gajah ke Teluk Anson (Teluk Intan)

怡保和 **Batu Gajah Teluk Anson** (**Teluk Intan**)

B Fasa kedua (1897 - 1909) 第二阶段 (1897 - 1909)

1. Pembinaan landasan kereta api fasa kedua bertujuan untuk menghubungkan kawasan utara dengan selatan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

第二阶段的铁路建设是为了连接北部到南部的马来联邦。

2. Matlamat ini diberi keutamaan berikutan langkah kerajaan British menggabungkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.

这目标让英国政府优先连接于 **1896** 年作为马来联邦的霹靂州，雪兰莪州，森美兰州和彭亨州。

3. Landasan kereta api telah dibina hingga ke Seberang Perai di utara dan Johor Bahru di selatan Semenanjung Tanah Melayu.

建成的铁路直到马来亚半岛北部的大山脚和马来亚半岛南部的柔佛州新山。

4. Tujuan pembinaan landasan kereta api fasa kedua

第二阶段建造铁路的目的

(a) Memenuhi keperluan ekonomi yang meningkat kerana kepesatan perusahaan bijih timah dan getah.

满足经济成长的需要因为锡矿业和橡胶业迅速崛起。

(b) Memudahkan pentadbiran kerajaan British.

简化英国政府的行政管理。

5. Pada tahun 1903, kerajaan British menubuhkan Kereta Api Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu.

1903 年，英国政府成立马来联邦列车。

C Fasa ketiga (1910 - 1931) 第三阶段 (1910 - 1931)

1. Selepas British berjaya meluaskan pengaruhnya ke Negeri-negeri Melayu Utara melalui Perjanjian Bangkok 1909 dan menguasai negeri Johor, landasan kereta api mula dibina untuk menghubungkan setiap negeri.

英国通过 **1909** 年曼谷条约成功将它的势力延伸到北部马来州和控制柔佛州之后，开始建铁路以连接每个州。

2. Dalam jangka masa itu, semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu telah dihubungkan dengan landasan kereta api kecuali negeri Terengganu.

在此期间，有铁路将马来亚半岛所有的州连接起来，除了登嘉楼。

3. Perkhidmatan kereta api kini telah menjadi pengangkutan awam bagi penduduk Tanah Melayu.

现在的火车服务已经成为马来亚人民的公共交通工具。

Mesej Focus 资讯焦点

Pada tahun 1948, nama Kereta Api Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu ditukarkan kepada Kereta Api Tanah Melayu. Pada hari ini, Kereta Api Tanah Melayu dikenali dengan nama Kereta Api Tanah Melayu Berhad.

1948 年，马来联邦列车的名字换成马来亚列车。今天，马来亚列车被称为马来亚列车有限公司。

6.6.4 Perkembangan Jalan Raya 道路的发展

1. Jalan raya yang dibina di Tanah Melayu pada peringkat awal bertujuan menghubungkan kawasan perlombongan bijih timah dan pertanian dengan stesen kereta api. Kereta api akan mengangkut hasil bumi tersebut ke pelabuhan untuk dieksport. Contohnya, jalan raya yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Ipoh dan Seremban.

公路早期建于马来亚的目的是连接锡矿场和农业与火车站。列车将运送产品到港口以出口。例如，高速公路连接吉隆坡与怡保和芙蓉。

2. Pada awal kurun ke-20, penggunaan kenderaan bermotor seperti kereta, lori, dan bas semakin meningkat.

在 20 世纪初，机动车，如汽车，卡车和公共汽车的使用日益增加。

3. Rangkaian jalan raya mula dibina dengan pesat dan jalan-jalan yang sedia ada mula diturap untuk disesuaikan dengan keperluan kenderaan bermotor tersebut.

道路网开始快速的建成和现有的街道开始铺砌，以满足机动车的需求。

4. Kepentingan jalan raya 道路的重要性

(a) Menghubungkan kawasan kegiatan ekonomi dengan pelabuhan.

连接经济活动区域与港口。

(b) Menghubungkan bandar besar dengan bandar kecil.

连接各大城市与小城镇。

(c) Memudahkan pentadbiran British di Tanah Melayu.

简化英国在马来亚的行政管理。

5. Menjelang tahun 1939, terdapat satu jaringan jalan raya yang menghubungkan seluruh Tanah Melayu.

至到 1939 年，有一条连接整个马来亚的道路网。

6. Namun, rangkaian jalan raya ini hanya tertumpu di kawasan yang terdapat kepentingan ekonomi British seperti di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu.

然而，道路网主要集中在有英国经济利益的领域，比如马来半岛的西海岸。

6.6.5 Kemajuan Pengangkutan Laut dan Udara 海空交通运输的进步

1. Kemajuan ekonomi di Tanah Melayu telah memperkenalkan perkhidmatan kapal wap dan kapal terbang. 在马来亚经济的发达推出蒸汽船服务和飞机服务。

2. Pada tahun 1890, Syarikat Straits Steamship ditubuhkan di Singapura untuk memberi perkhidmatan kapal wap kepada pelabuhan di negeri-negeri Melayu.

1890 年，海峡轮船公司在新加坡成立，以提供蒸汽船服务给在马来州港口。

3. Kapal susur pantai ini membawa bekalan makanan, jentera, dan buruh untuk perusahaan perlombongan bijih timah.

这沿海边缘的船只为了锡矿业载运粮食供应，机械和劳工。

4. Kapal wap The SS Perak menawarkan perkhidmatan dari Singapura ke Pelabuhan Klang.

The SS Perak 蒸汽船提供从新加坡到巴生港的服务。

5. Perkhidmatan penerbangan mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1937 oleh Syarikat Wearne Air Service.

马来亚最早的飞行服务是 **Wearne** 民航服务 (**Air Service**) 公司 (**Syarikat**) 于 **1937** 年推出。

(a) Wearne bersaudara memperkenalkan perkhidmatan penerbangan awam yang pertama di Tanah Melayu.

Wearne 兄弟推出马来亚第一家民航服务。

(b) Kapal terbang yang pertama digunakan oleh Syarikat Wearne Air Service ialah jenis kipas dua, iaitu D. H. Rapides.

Wearne 民航服务公司用的第一架飞机是两把风扇的类型，那就是 **D. H. Rapides**。

(c) Syarikat yang beribu pejabat di Singapura itu menawarkan perkhidmatan antara Singapura, Kuala Lumpur, dan Pulau Pinang.

总部设在新加坡的公司，提供新加坡，吉隆坡和檳城之间的服务。

6. Selepas Perang Dunia Kedua, perkhidmatan penerbangan awam dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan Tanah Melayu.

第二次世界大战结束后，民航服务由马来亚航空公司运营。

6.6.6 Sistem Perhubungan 通讯系统

1. Seiring dengan perkembangan pengangkutan yang pesat, British turut memajukan sistem perhubungan yang lain seperti sistem pos dan telegraf, perkhidmatan telefon, dan radio.

随着交通运输的快速发展，英国也发展其他的通讯系统，如邮政和电报，电话和无线电系统。

2. Pengenalan sistem perhubungan tersebut menyebabkan perhubungan antara negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dengan negara lain menjadi mudah dan pantas.

引进这些通讯系统导致马来半岛与其他国家之间的联变得方便和快捷。

3. Pada peringkat awal, sistem perhubungan mula diperkenalkan di kawasan kegiatan ekonomi, pelabuhan, pusat pentadbiran, dan seterusnya berkembang ke kawasan petempatan.

最初，通讯系统开始在经济活动地区，港口，行政中心引入，随后扩展到住宅区。

6.6.7 Kemajuan Perkhidmatan Kesihatan dan Kemudahan Asas Lain 卫生服务和其他设施的进步

1. Kemajuan dan kepesatan ekonomi telah mengakibatkan pertambahan penduduk yang pesat.

发展和经济增长导致人口快速增长。

2. Pertambahan penduduk dan pembukaan kawasan hutan untuk kegiatan ekonomi dan petempatan telah menimbulkan masalah kesihatan di kalangan penduduk.

人口增长和开发森林作为经济活动和居住区造成在人民的健康问题。

3. Persekitaran kawasan kerja dan kediaman yang kotor dan terabai menyebabkan penyakit seperti taun, beri-beri, dan malaria mudah merebak. Penyakit malaria dan beri-beri telah menyebabkan kematian di kalangan buruh Cina dan India yang menjejaskan perkembangan ekonomi British.

肮脏和被忽视的工作和居民环境导致疾病，如霍乱，脚气病和疟疾容易传染。疟疾和脚气病导致中国和印度的劳工死亡，而影响英国的经济发展。

4. Untuk menghadapi masalah tersebut, kerajaan British mendirikan hospital, pusat perubatan, dan Institut Penyelidikan Perubatan.

为了解决这个问题，英国政府成立医院，医疗中心和医学研究所。

(a) Hospital kerajaan dibina di Kuala Lumpur, Taiping, dan Pulau Pinang.

政府医院建立在吉隆坡，太平和檳城。

(b) Pusat kesihatan kecil didirikan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang untuk kemudahan penduduk luar bandar.

小型保健中心成立于霹靂州，雪兰莪州，森美兰州和彭亨州为农村人的设施。

(c) Lembaga Kesihatan ditubuhkan pada tahun 1890 untuk memastikan kebersihan kawasan bandar.

卫生局成立于 1890 年，以保证城市的清洁。

(d) Institut Penyelidikan Perubatan ditubuhkan pada tahun 1901 di Kuala Lumpur untuk membuat penyelidikan dalam usaha mencari punca, tatacara rawatan dan langkah-langkah pencegahan penyakit berbahaya seperti beri-beri dan malaria.

医学研究所于 1901 年在吉隆坡成立以进行研究，寻找病因，治疗程序和预防危险疾病如脚气病和疟疾的步骤。

5. Pertambahan penduduk menyebabkan permintaan terhadap bekalan makanan meningkat.

人口增长导致粮食的需求不断增加。

(a) Pada tahun 1931, Jabatan Parit dan Tali Air ditubuhkan untuk memajukan tanaman padi.

1931 年，成立沟槽 (Parit) 和灌溉渠道 (Tali Air) 局以发展稻米种植。

Mesej Focus 资讯焦点

Wan Mat Saman bin Wan Ismail merupakan Menteri Besar Kedah yang pertama. Beliau bertanggungjawab membina Terusan Wan Mat Saman di Kedah. Terusan sepanjang 35 km ini mula dibina pada tahun 1885 dan siap pada tahun 1895. Setelah siap, terusan ini menghubungkan Alor Star ke Gurun. Terusan ini dibina dengan menggunakan tenaga manusia dan peralatan tradisional. Unggun api dinyalakan pada jarak tertentu sebagai penanda untuk memastikan terusan digali dengan lurus. Kesan pembinaan terusan ini, Kedah muncul sebagai pengeluar padi yang utama di Tanah Melayu. Kejayaan Kedah mengeluarkan padi menyebabkan negeri tersebut dikenali sebagai Jelapang Padi Tanah Melayu.

Wan Mat Saman bin Wan Ismail 是吉打州的第一任首席部长。他负责建造吉打州的 Wan Mat Saman 运河。这个长 35 公里的运河开始于 1885 年建造，并于 1895 年完成。完工后，这条运河连接 Alor Star 到 Gurun。这条运河是用人力和传统设备建造。篝火在一定的距离被点燃作为标记，以确保运河挖直。运河建设的成效，导致吉打州成为马来亚主要的稻米生产商。吉打州的成就导致这个州被称为马来亚的饭碗 (Jelapang Padi)。

(b) Kawasan penanaman padi yang luas telah dibuka di Sungai Manik, Perak dan Tanjong Karang, Selangor.

广阔面积的稻米种植在霹靂州的 **Manik** 河，和雪兰莪州的 **Tanjong Karang** 打发。

6. Kemajuan ekonomi turut menyebabkan tenaga elektrik diperkenalkan.

经济发展也导致引入电力。

(a) Pada awal kurun ke-20, tenaga elektrik mula disalurkan ke Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

在 20 世纪初，电力开始被输送到檳城和吉隆坡。

(b) Pada tahun 1930, Empangan Hidroelektrik Chenderoh dibuka untuk menampung keperluan tenaga elektrik. Empangan ini dikendalikan oleh The Perak River Hydro-Electric Power Company Limited-Tujuan asal pembinaan empangan ini adalah untuk membekalkan kuasa elektrik bagi kegunaan perusahaan melombong bijih timah di Lembah Kinta.

在 1930 年，**Chenderoh** 水电坝被打发，以容纳电力的需求。这个水坝是由霹靂河水力发电有限公司责任，最初建立水坝的目的是提供电力给在 **Lembah Kinta** 的锡矿业。

6.6.8 Kemunculan dan Perkembangan Bandar Baru 新城市的出现和发展

1. Pada pertengahan kurun ke-19, banyak petempatan baru dibuka terutama di kawasan perlombongan bijih timah.

在 19 世纪中期，许多新的定居点被开发尤其是锡矿矿场的地区。

2. Petempatan ini kemudiannya berkembang menjadi pusat pentadbiran dan perniagaan yang penting. 这些定居点后来发展成为重要的行政中心和业务中心。

3. Bandar yang muncul kesan perkembangan perusahaan bijih timah ialah Taiping, Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban.

因锡工业发展而出现的城市是太平 (**Taiping**)，怡保 (**Ipoh**)，吉隆坡 (**Kuala Lumpur**) 和芙蓉 (**Seremban**)。

A Taiping 太平

1. Nama asal Taiping ialah Kelian Pauh.

太平的原名是 **Kelian Pauh**。

2. Bandar Taiping terletak di daerah Larut, Perak

太平镇位于霹靂州的 **Larut** 省。

3. Pada tahun 1840-an, ramai orang Cina dibawa ke Larut untuk bekerja di lombong bijih timah.

在 1940 年代，许多华人被带到 **Larut** 省以在锡矿场工作。

4. Selepas Perang Larut, British menyusun semula pentadbiran Larut dan nama Kelian Pauh ditukar kepada Taiping yang bermaksud "keamanan yang abadi".

Larut 战争结束后，英国重组 **Larut** 的行政并将 **Kelian Pauh** 的名称改为太平，这象征着“永恒的太平”。

5. Taiping kemudian berkembang menjadi sebuah bandar moden dan pernah menjadi ibu negeri Perak.

太平后来发展成一个现代化的城市，曾经霹靂州的首都。

B Ipoh 怡保

1. Bandar Ipoh terletak di Lembah Kinta, Perak

怡保市位于霹靂州的 **Lembah Kinta**。

2. Ipoh dibuka sejak kurun ke-16 dan didiami oleh orang Melayu. Nama Ipoh dikaitkan dengan pokok ipuh. Getah pokok ipuh digunakan sebagai racun pada sumpitan dan anak panah untuk berburu.

怡保自 16 世纪开发并有马来人居住。怡保的名字与艾草树 (**pokok ipuh**) 有关。艾草树的树液被用来作为吹管和箭上的毒液以用来打猎。

3. Pada tahun 1880-an, Lembah Kinta menjadi tumpuan pelombong Cina apabila pengeluaran bijih timah di Larut merosot.

在 1980 年代，当 Larut 的锡生产量下降时，**Lembah Kinta** 成为华人矿工的焦点。

4. Kesan peningkatan kegiatan ekonomi dan pertambahan penduduk, Ipoh berkembang menjadi sebuah bandar yang sibuk.

增加经济活动和人口的后果，怡保发展成为一个繁华的城市。

5. Pada tahun 1935, Ipoh dijadikan ibu negeri Perak menggantikan Taiping.

1935 年，怡保取代太平成为霹雳州的首都。

C Kuala Lumpur 吉隆坡

1. Kuala Lumpur terletak di titik pertemuan antara Sungai Gombak dengan Sungai Klang.

吉隆坡位于 **Gombak** 河和巴生河之间的交叉点。

2. Kawasan Kuala Lumpur mula diterokai oleh Raja Abdullah, iaitu pembesar daerah Klang pada pertengahan kurun ke-19 untuk membuka lombong bijih timah.

在 19 世纪中期，吉隆坡地区开始被巴生区的大臣，**Abdullah** 王探索，以打开发锡矿矿场。

3. Oleh kerana kawasan tersebut berlumpur, maka mereka memanggil kawasan tersebut dengan nama Kuala Lumpur.

由于这个地区是泥泞 (**berlumpur**)，所以他们称这个区域为 **Kuala Lumpur** (吉隆坡)。

4. Pada tahun 1860-an, ramai orang Cina dibawa masuk untuk menjalankan kegiatan melombong bijih timah di sekitar Kuala Lumpur.

在 1860 年代，许多华人被带进来以在吉隆坡四周进行周围开采锡矿的活动。

Mesej Focus 资讯焦点

Bangunan Sultan Abdul Samad dibina pada tahun 1897. Bangunan ini pernah menjadi pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan pernah menempatkan Mahkamah Persekutuan Malaysia, Mahkamah Rayuan, dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Bangunan ini telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2007.

建于 1897 年的 **Abdul Samad** 苏丹大楼。这座大楼曾经是马来亚联邦行政中心和曾经安置马来西亚的联邦法院，上诉法院和吉隆坡高等法院。这建筑于 2007 年被承认为国家文物。

5. Kapitan Yap Ah Loy dilantik menjadi ketua masyarakat Cina di Kuala Lumpur dan beliau antara orang yang bertanggungjawab membangunkan Kuala Lumpur.

甲必丹 (**Kapitan**) 叶亚来 (**Yap Ah Loy**) 被委任成为在吉隆坡华社的头目，他是其中一个负责发展吉隆坡的人。

6. Keadaan ini menyebabkan Kuala Lumpur berkembang daripada sebuah perkampungan perlombongan bijih timah kepada pusat perdagangan yang maju.

这导致在吉隆坡从一个锡矿山村发展成为繁荣的贸易中心。

7. Pada tahun 1880, Kuala Lumpur dijadikan ibu negeri Selangor menggantikan Klang.

1880 年，吉隆坡替代巴生成为雪兰莪的首都。

8. British menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pentadbiran dan perniagaan.

英国让吉隆坡成为配备各种企业和行政设施的城市中心。

9. Pada tahun 1896, Kuala Lumpur dijadikan pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

1896 年，吉隆坡成为马来联邦的行政中心。

10. Pada hari ini, Kuala Lumpur menjadi ibu negara Malaysia yang pesat membangun dengan kemudahan yang serba moden.

今天，吉隆坡成为马来西亚以现代化设施迅速发展首都。

6.6.9 Kepelbagaian Pendidikan dalam Masyarakat Berbilang Kaum 多元种族社会的多样化教育

1. Pada peringkat awal, kerajaan British kurang memberi tumpuan kepada perkembangan pendidikan di Tanah Melayu.

最初，英国政府不太注重马来亚的教育发展。

2. Ini menyebabkan wujudnya sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu.

这导致马来亚出现方言教育制度。

3. Sekolah-sekolah vernakular menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan dibenarkan berkembang mengikut cara masing-masing.

方言学校使用母语作为教学语言，并允许以自己的方式发展。

4. Kesannya, sekolah Cina berkembang mengikut perkembangan sekolah di negara China, sekolah India berkembang mengikut perkembangan sekolah di India, dan sekolah Melayu berkembang berdasarkan sistem sekolah agama yang sedia wujud ketika itu.

它的结果是，华校根据中国的教育发展，印度学校根据印度的教育发展，和马来学校依据当时已存在的宗教学校制度发展。

5. Kerajaan British juga menubuhkan sekolah Inggeris tetapi sekolah tersebut hanya terhad di kawasan bandar sahaja.

英国政府还成立了英校，但只限于市区。

A Pendidikan sekolah Melayu 马来学校教育

1. Kerajaan British mendirikan sekolah Melayu untuk memberikan pendidikan sekular kepada anak petani dan nelayan.

英国政府成立马来学校以提供世俗教育给农民和渔民的孩子。

2. Sekolah sekular merujuk kepada sekolah yang memberi pendidikan yang berkaitan dengan ilmu keduniaan.

世俗学校是指学校提供世间知识相关的教育。

3. Di sekolah sekular, murid-murid diajar menulis, membaca, dan mengira serta sedikit tentang mata pelajaran seperti geografi, seni pertukangan, dan perkebunan.

世俗学校，学生学写字，阅读和算术以及一些有关，如地理，手艺，和园艺的科目。

4. Sekolah Melayu pada zaman itu hanya memberikan pendidikan rendah setakat darjah enam sahaja. 那时候的马来学校只提供小学六年级的程度而已。

5. Pada tahun 1816, British membuka sekolah Melayu di Negeri-negeri Selat, iaitu:

1816 年，英国在殖民地开办马来学校，那就是：

(a) Sekolah Melayu Gelugor

Gelugor 马来学校

(b) Sekolah Melayu Bayan Lepas

Bayan Lepas 马来学校

6. Sekolah Melayu kemudiannya dibuka di Seberang Perai, Melaka, dan negeri-negeri Melayu yang lain.

马来学校过后在大山脚，马六甲，其他马来州及被开办。

7. British tidak berhasrat memajukan sistem pendidikan sekolah Melayu kerana pendidikan yang diberi hanya bertujuan mengekalkan anak-anak Melayu sebagai petani dan nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka.

英国并不打算发展马来学校制度，因为授予的教育只是维持马来孩子作为比父母更好的农民和渔民。

8. British tidak menyediakan sekolah menengah Melayu untuk membolehkan orang Melayu menyambung pelajaran mereka.

英国不提供中学水平的马来学校让马来人继续学业。

9. Lulusan sekolah Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran ke maktab perguruan yang ditubuhkan untuk melatih guru-guru sekolah Melayu.

马来学校的毕业生有机会继续到培训马来学校教师的师训学院继续深造。

10. Lulusan sekolah Melayu layak menjadi guru, polis, dan menjawat jawatan rendah di jabatan kerajaan.

马来学校的毕业生有资格成为教师，警察和政府部门低的职位。

Mesej Focus 资讯焦点

Maktab Perguruan Sultan Idris ditubuhkan pada tahun 1922. Maktab ini bertujuan melatih guru-guru untuk sekolah Melayu. Selain melahirkan golongan sasterawan dan ahli bahasa, maktab perguruan ini juga banyak melahirkan golongan nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Pada tahun 1997, maktab ini dinaik taraf kepada universiti dan dikenali dengan nama Universiti Perguruan Sultan Idris.

Sultan Idris 师训学院成立于 1922 年。这师训学院的目的是为了培养马来学校的教师。除了栽培作家和语言学家，这师训学院也生产了争取马来亚独立的民族主义者。1997 年，这师训学院升格为大学，被命名为由 Sultan Idris 师范大学（Universiti Perguruan Sultan Idris）。

11. Maktab perguruan yang didirikan untuk Melayu guru-guru sekolah Melayu:

建立师训学院为了马来学校的马来老师：

(a) Maktab Perguruan Melaka (1900)

马六甲师训学院（1900 年）

(b) Maktab Perguruan Sultan Idris (1922)

Sultan Idris 师训学院（1922 年）

(c) Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (1935)

马六甲马来妇女师训学院（1935年）

B Pendidikan sekolah Cina 华校

1. Pada zaman pentadbiran British, sekolah Cina di Tanah Melayu diusahakan sendiri oleh masyarakat Cina.
在英国殖民时期，马来亚的华校由私人建立。

2. Pada peringkat awal, sekolah Cina menggunakan pelbagai loghat seperti Teochew, Hokkien, Kantonis, dan Hakka dalam pengajaran dan pembelajaran.

最初，华校采用了多种华语方言比如潮州，福建，粤语和客家话为教学语言。

3. Ciri-ciri sekolah Cina 华校的特征

(a) Buku-buku dan sukatan pelajaran dibawa dari negara China.

书籍和教育大纲来自中国。

(b) Tenaga pengajar dibawa dari negara China.

教师来自中国。

(c) Sekolah dibiayai oleh saudagar Cina.

学校是由华商资助。

(d) Sekolahnya tertumpu di kawasan bandar sahaja.

学校只集中在城市地区。

(e) Pendidikan rendah selama enam tahun.

小学教育为六年。

(f) Terdapat juga sekolah Cina yang menyediakan pendidikan sehingga ke peringkat sekolah menengah.

也有一个华校提供到达中学程度的教育。

4. Pada tahun 1920, kerajaan British mula memberi perhatian kepada perkembangan sekolah Cina dengan memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah.

1920年，英国政府开始重视对华校的发展，推出学校注册法令（Enakmen Pendaftaran Sekolah）。

(a) Bertujuan mengawal sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu.

目的是要控制在马来亚的华校。

(b) Menurut enakmen ini, semua sekolah yang didirikan di Tanah Melayu mesti didaftarkan.

根据这项法令，成立于马来亚的学校必须要注册。

(c) Enakmen ini memberi kuasa kepada Pengarah Pelajaran untuk menutup sekolah yang tidak menurut syarat pengurusan, sukatan pelajaran, dan peraturan kesihatan yang ditetapkan oleh British.

这法令授权给教育局局长，以关闭不符合英国订下的管理条件，教育大纲和健康规则的学校。

C Pendidikan sekolah Tamil 淡米尔语学校

1. Sekolah Tamil diusahakan oleh orang perseorangan dan pertubuhan masyarakat India.

淡米尔语学校由个人和印度社区组织的建立。

2. Kebanyakan sekolah Tamil didirikan di kawasan ladang oleh majikan ladang getah.

大多数淡米尔语学校由橡胶园雇主创立于橡胶园一带。

3. Sekolah Tamil menggunakan buku, sukatan dan tenaga pengajar dari India.

淡米尔语学校的书籍，教育大纲和教师来自印度。

4. Kadang-kala, penyelia ladang atau Kangani akan menjadi tenaga pengajar di sekolah Tamil.

有时，农场的主管或工头（Kangani）将在淡米尔学校做教员。

5. Pada tahun 1912, kerajaan British memperkenalkan Undang-undang Buruh yang mewajibkan pengusaha ladang getah menyediakan sekolah dan guru untuk anak-anak pekerja mereka. Penguatkuasaan undang-undang tersebut menyebabkan bilangan sekolah Tamil bertambah.

1912 年，英国政府推出了劳动法例，要求橡胶园雇主必须提供学校和教师给员工的子女。这项执法导致淡米尔学校的数量增加。

6. Terdapat juga sekolah Tamil yang didirikan di bandar seperti Sekolah Thamboosamy Pillai dan Sekolah Vivekananda di Kuala Lumpur.

也有创办于城市的淡米尔学校，如在吉隆坡的 Thamboosamy Pillai 学校和 Vivekananda 学校。

7. Namun, sekolah Tamil kurang mendapat perhatian di kalangan masyarakat India yang kaya kerana golongan ini akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris.

然而，淡米尔语学校较少得到富有印度人的关注，因为这群人会把孩子送到英校。

D Pendidikan sekolah Inggeris 英校教育

1. Sekolah Inggeris mula didirikan di Negeri-negeri Selat pada awal kurun ke-19 seperti:

英校于 19 世纪初开始建立在海峽殖民地，如：

(a) Penang Free School (1816)

檳城自由学校（1816 年）

(b) Malacca Free School (1826)

马六甲自由学校（1826 年）

2. Victoria Institution, Kuala Lumpur merupakan sekolah menengah Inggeris yang ditubuhkan oleh mubaligh Kristian pada tahun 1894.

吉隆坡的维多利亚学府，是基督教传教士于 1894 年建立的英校中学。

3. Ciri-ciri sekolah Inggeris

英校的特点

(a) Terbuka kepada semua kaum.

开放给所有种族。

(b) Didirikan oleh mubaligh Kristian.

由基督教传教士建立。

(c) Tertumpu di kawasan bandar.

集中在城市地区。

(d) Menyediakan pendidikan sehingga peringkat menengah.

提供至中学程度的教育。

(e) Sukatan pelajaran dan buku teksnya mengikut sistem pendidikan di England.

教育大纲和课本依照英国的教育制度。

(f) Lulusannya berpeluang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang seperti perubatan, kejuruteraan, guaman, dan pentadbiran.

毕业生有机会在各个领域，如医药，工程，法律和行政继续深造。

(g) Lulusannya diberi keutamaan mendapat jawatan yang baik dalam perkhidmatan kerajaan.

毕业生优先在政府服务获得比较好的职位。

4. Namun, sekolah Inggeris kurang mendapat sambutan di kalangan penduduk Melayu kerana:

然而，英国学校不太获得马来人的好评因为：

(a) Lokasi sekolah Inggeris di kawasan bandar.

英语学校坐落在城市地区。

(b) Orang Melayu sukar menghantar anak mereka ke bandar kerana tinggal di kampung.

马来人很难把孩子送到城市因为住在村里。

(c) Kebimbangan ibu bapa tentang pengaruh agama Kristian di kalangan anak-anak mereka.

父母担忧基督教信仰影响他们的孩子。

(d) Sekolah Inggeris tidak menawarkan mata pelajaran Pendidikan Islam.

英语学校不提供回教学习。

5. Pada tahun 1905, Kolej Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan untuk memberi pendidikan Inggeris hingga ke peringkat sekolah menengah kepada anak-anak raja dan golongan bangsawan Melayu.

1905 年，建立 Kuala Kangsar 马来学院以便给国王和马来贵族的孩子提供到中学水平的英文教育。

6. Lulusan Kolej Melayu Kuala Kangsar berpeluang untuk berkhidmat dengan kerajaan British. Hasilnya, muncul pemimpin Melayu yang berpendidikan Inggeris.

Kuala Kangsar 马来学院的毕业生有机会为英国政府服务。因此，出现了接受英文教育的马来人领袖。

7. Sehingga tahun 1930-an, bilangan pelajar Melayu di sekolah Inggeris amat berkurangan berbanding dengan pelajar daripada kaum lain.

直到 **1930 年代**，在英校的马来学生人数和其他种族的学生人数相比还是非常少。